

Kerajaan perjelas al-Arqam

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan akan memberi penerangan kepada orang ramai mengenai kedudukan sebenar pergerakan Darul Arqam, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad.

Beliau berkata, penerangan itu perlu kerana didapati ramai orang Islam terpengaruh dan percaya apa yang diajarkan oleh Darul Arqam berpunca daripada ajaran Islam.

"Kerajaan berpendapat ajaran Darul Arqam adalah sesat dan tidak memadai kita kata

Darul Arqam diharamkan melainkan kita juga memberi penjelasan kepada orang ramai supaya mereka tidak keliru.

"Jika kita benarkan ajaran itu terus berkembang, orang Islam mungkin keliru dan tidak lagi mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.

"Jadi, kerajaan akan memberi penjelasan kepada orang ramai mengenai perkara ini," katanya selepas menghadiri majlis perasmian Institut Antarabangsa Mengenai Pemikiran dan Tama-

dun Islam (Istac) di sini, malam ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengambil tindakan ke atas pergerakan itu sekiranya mereka meneruskan usaha mengelirukan rakyat.

"Buku mereka akan dikumpul dan dirampas serta tidak dibenarkan disebar," katanya.

Beliau menegaskan, majalah dan penerbitan yang tidak dimiliki oleh Darul Arqam tetapi mempunyai unsur ajaran yang sama juga akan diharamkan.